

No. Lelongan:



**KENYATAN JUALAN LELONGAN ASET ALIH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Dimaklumkan bahawa **Pusat Komunikasi Korporat** akan mengadakan jualan lelong aset seperti berikut:-

Tarikh : 29 April 2024 [Isnin]
Masa : 2.00 petang – 4.00 petang
Tempat : Pejabat Pusat Komunikasi Korporat

2. Senarai aset yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PA-27(A). Semua aset boleh dilihat pada tarikh 29 April 2024 [Isnin] di alamat Pejabat Komunikasi Korporat, Aras 1, Blok Selatan, Bangunan Canselor, UMS di antara jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.
3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-
 - (i) Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
 - (ii) Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan pegawai pelelong dengan memberikan nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksima RM1,000.
 - (iii) Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.
 - (iv) Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PA-27(A) dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
 - (v) Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
 - (vi) Jabatan ini hendaklah bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
 - (vii) Semua perbelanjaan bagi mengangkat aset hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
 - (viii) Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada pegawai pelelong semasa jualan dilakukan.
 - (ix) Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan.
 - (x) Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelong. Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya.
 - (xi) Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis Jabatan.

